



colloquium
isme
Empowering Local Mind in Art Design
& Cultural Heritage
2016

Empowering Local Mind
In Art Design & Cultural Heritage

3rd ISME International Colloquium 2016


proceeding book

27 & 28
December
2016

Universiti
Teknologi MARA,
Melaka, Malaysia.

In collaboration with:





Empowering Local Mind
In Art Design & Cultural Heritage

3rd ISME International Colloquium 2016

EDITORS AND COMPILERS:

Dr. Azahar Harun
Dr. Rosli Zakaria
Dr. Abd Rasid
Pn. Haslinda Abd Razak
Pn. Liza Marziana Mohammad Noh
En Nadzri Mohd Sharif
En. Shaleh Mohd Mujir
Pn Fatrisha Mohamed Yussof
Pn Anith Liyana Amin Nudin
Pn Ilinadia Jamil
Cik Fazlina Mohd Radzi
Cik Aidah Alias
Cik Nurkhazilah Idris

COVER DESIGN:

Norsharina Samsuri

PUBLISHED BY:

Faculty of Art & Design,
UiTM Melaka
KM26 Jalan Lendu,
78000 Alor Gajah, Melaka
Tel : +606 - 5582094/ +6065582190/ +6065582113
Email : ismefssr@gmail.com
Web : <http://isme2016.weebly.com>
ISBN : 978-967-0637-26-6

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without permission of the copyright holder.



Empowering Local Mind
In Art Design & Cultural Heritage

3rd ISME International Colloquium 2016

Copyright © 2016
Faculty of Art & Design,
UiTM Melaka
KM26 Jalan Lendu,
78000 Alor Gajah Melaka
<http://isme2016.weebly.com>

Content

1	Personification in Marketing Communication: Case Study of Malaysian Brands	9
	<i>Azahar Harun, Mohamed Razeef Abd Razak, Ruslan Abd Rahim, Lili Eliana Mohd Radzuan, Amina Syarfina Abu Bakar</i>	
2	The Image of Man after September 11	21
	<i>Mohd. Shahaarudin Sabu, Mohd. Saharuddin Supar, Hisammudin Ahmad, Shahaarin Sulaiman, Ahmad Zuraimi Abdul Rahim, Mohd. Ali Azraei Bebit, Shahrul Munir Mohd Kaulan</i>	
3	The Image Construction of Loro Blonyo Craft in Global Market through Packaging Design that Reflect Local Image	27
	<i>Nanang Yuliantoa, Edy Tri Sulistyoa, Slamet Subiyantoroa, and Nadia Sigi Prameswaria</i>	
4	Game-Based Learning using Visual Spatial Approach for Children with Autism to Improve Social Development: A Pilot Study	32
	<i>Ilinadia Jamil, Fatrisha Mohamed Yussof, Nor Yus Shahirah Hassan, Azzureen Nor Ain Azizuddin and Zainal Kadir</i>	
5	Visual Iklan Berunsurkan Seksual Di Media Internet: Persepsi Golongan Bawah Umur	42
	<i>Fatrisha Mohamed Yussof, Ilinadia Jamil, Azahar Harun, Norsharina Samsuri, Nurkhazilah Idris, Nor Sabrena Norizan</i>	
6	An Iconographical Interpretation Of Street Art In Malaysia	51
	<i>Syafri Amir Muhammad, Nurul Huda Mohd Din, Profesor Dr. Mulyadi Mahamood, Dr. Mumtaz Mokhtar</i>	
7	The Relationship between Place and Hallmark Event; Malaysian Cultural Context	64
	<i>Musaddiq Khalil, Amer Shakir Zainol, Shaliza Dasuka, Liza Marziana, Khazilah Idris, and Fazlina Radzi</i>	
8	Aplikasi Teknik Tempa dan Peleburan dalam Seni Arca Besi Raja Shahriman Raja Aziddin	74
	<i>Liza Marziana Mohammad Noh, Shaliza Dasuki, Nurkhazilah Idris, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Mohd Khalil Imran</i>	
9	Sulaman Keringkam : Motif Kemasan Sisi Beridentiti Melayu Tempatan	85
	<i>Norhasliyana Hazlin Zainal Amri, Hamdzun Haron, dan Abdul Latif Samian</i>	
10	Malay Aesthetic Concept through Malay Woodcarving Motifs in Visual Artworks	97
	<i>N. A. Hassan, P. Amin, and S. Tohid</i>	
11	Ilustrasi Poster Kempen Alam Sekitar dalam Simbol Kebudayaan	106
	<i>Mulyati Binti Mat Alim and Profesor Madya Dr. Abdul Halim bin Husain</i>	
12	Penghayatan Nilai- Nilai Patriotisme Dalam Arca Awam Pelajar Uitm Melaka Sempena Pertandingan Hiasan Patriotisme Daerah Alor Gajah	118
	<i>W. M. Z. Wan Yaacob, N.H. Abdulah, A. Osman, M. F. Samsudin, M. A. A. Bebit, S. M. Mohd Kaulan dan M. S. Sabu</i>	

13	Keunikan Ukiran Patung Kayu dalam Kehidupan Kaum Jah Hut dalam Keperluan dan Kepercayaan	124
	<i>Nor Edzrine Binti Abdullah Sani</i>	
14	Properties of Mandi Bunga (flowering bath) as Malaysian tradition Practice	135
	<i>S. Roslan, R. Legino</i>	
15	Malaysian Batik Painting From 1950 to 2010: A Study on Style	145
	<i>A.E. Mohd Fauzi, N. H. Ghazali and N. H. Ahmad</i>	
16	Interpreting Motif and Pattern in Mohd Nor Mahmud Painting Batik: Pakai Semutar Kain Lepas.	151
	<i>H. Abd Razak, R.Legino, B. Samuri</i>	
17	The Aesthetic of Traditional Lurik in Socio-Cultural Context	157
	<i>E. S.Handayani</i>	
18	Brand Identity on Local Malay Herbal Toiletries Packaging Design as a Potential Tourism Product	162
	<i>Siti Sarah Adam Wan, Noraziah Mohd Razali, Wan Nur Khalisah Shamsudin & Ariff Ali</i>	
19	Budaya Melayu Sebagai Simbol dan Makna Dalam Seni Catan Moden Malaysia	172
	<i>Liza Marziana Mohammad Noh, Hamdzun Haron, Abdul Latif Samian & Tengku Intan Suzila Tengku Sharif</i>	
20	Budaya Visual ‘Seni Kolam’ Dalam Sistem Sosial Masyarakat India	180
	<i>Santhi A/P Letchumanan, Lee Hoi Yeh, Prof. Madya Dr. Abdul Halim Hussain</i>	
21	Cetusan Idea Seni Tekat Perak	198
	<i>Azni Hanim Hamzah, Salina Abdul Manan, Noor Hafiza Ismail & Nur Hikma Mat Yusuf</i>	
22	Chlorophyll Print: An Alternative Approach to Describe Photographic Printing Process Using Nature Based For Photography Students	207
	<i>Dona DLowii Madon, Aidah Alias, Raziq Abdul Samat, Farihan Zahari, Shafira Shaari & Shaharin Sulaiman</i>	
23	Designing Jawi Typeface to Enhance The Quality of Modern Design	218
	<i>Mohamed Razeef Abdul Razak, Prof. Dr. D’zul Haimi Md. Zain, Dr. Azahar Harun, Dr. Saiful Akram Che Cob & Lili Eliana Mohd. Radzuan</i>	
24	Diversification of Batik Jarum Handicraft Art Product to Solidify Community Based Creative Economic Development in Klaten Regency	225
	<i>Margana</i>	

25	Empowering “Girli” Batik Craftswomen to Enhance Family Economy and Develop Tourism Village in Sragen District	236
	<i>Dr. Slamet Supriyadi & Prof. Dr. Sariatun</i>	
26	Identiti Visual Seni Catan Moden Malaysia Melalui Media Campuran Dalam Konteks Kebudayaan	244
	<i>Fairus Ahmad Yusof ¹ Prof. Madya. Dr. Abdul Halim Husain</i>	
27	Inovasi Media TMK Dalam Pendekatan Pembelajaran dan Pengajaran Pendidikan Seni Visual Berasaskan Gaya Belajar Visual	274
	<i>Siti Hayati binti Haji Mohd Yusoff</i>	
28	Interpretasi Kandungan Imej Fotografi Digital Sosio-Masyarakat Melayu Berdasarkan Konsep Literasi Visual	291
	<i>Nadzri Mohd Sharif, Meor Hasmadi Meor Hamzah & Nor Fariza Baharuddin</i>	
29	Kartun Akhbar Sebagai Wadah Penyampaian Suara Masyarakat: Suatu Kritikan Terhadap Isu-Isu Semasa	304
	<i>Shaliza Dasuki, Liza Marziana Mohammad Noh, Nurkhazilah Idris, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Mohd Khalil & Nur Hasliza Abdulah</i>	
30	Kartun Bertemakan Keagamaan Atas Talian: Interpretasi Dakwah dan Sindiran	317
	<i>Fazlina Mohd Radzi, Shaliza Dasuki, Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh & Musaddiq Muhamad Khalil</i>	
31	Keindahan Tengkolok Getam Pekasam Warisan Kesultanan Perak Darul Ridzuan	326
	<i>Liza Marziana Mohamad Noh, Salina Abdul Manan, Azni Hanim Hamzah, Noor Hafiza Ismail & Mohd Hafiz Sabran</i>	
32	Menggembur ‘Memori Kolektif’: Potensi ‘Seni Partisipatori’ Sebagai Media Konservasi Budaya	333
	<i>Diana Ibrahim, M. Hendra Himawan dan Mohd Saharuddin Supar</i>	
33	Model Landskap Bandaraya Islam Di Kawasan Tropika Berdasarkan Empat Faktor Nilai Rekabentuk	343
	<i>N. H Ramle & R. Abdullah</i>	
34	Pelaksanaan PBS Guru-Guru PSV Hilir Perak Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Estetik	352
	<i>Lee Hoi Yeh, Dr. Mohd Zahuri Khairani</i>	
35	Permata Yang Hilang: Pembelajaran Penulisan Seni Khat Dan Jawi	367
	<i>Ainun Jariah Yaacob, Ahmad Rajaei Awang, Mohd Fadil Sulaiman, Mohd. Yazid Misdri</i>	

36	Persona Komunikasi Tipografi di dalam Artifak Kartografi	380
	<i>Wan Juria Emeih Wahed & Ridzuan Hussin</i>	
37	The ‘Me-Too’ Phenomenon in Packaging Design: A Case Study of Malaysian Retail Products	392
	<i>Anith Liyana Amin Nudin, Mohd Amin Mohd Noh, Wan Nur Khalisah Shamsudin, Izwan Abdul Ghafar, Norsharina Samsuri, Nik Narimah Nik Abdullah and Fatrisha Mohamed Yussof</i>	
38	Interaction Design in Collaborative Augmented Reality (AR) Story-book for Children	403
	<i>Lili Eliana Mohd Radzuan, Wan Nur Khalisah Shamsudin, Siti Nurlzaura Razis, Azahar Harun and Mohamed Razeef Abd Razak</i>	
39	Analisis Proses Penghasilan Lakaran Awal Dari Segi Penggunaan Material, Idea dan Pengisian (Contents) Mengikut Bidang-Bidang yang Terdapat di Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka: Kajian Kes Pameran Think Things Pada Tahun 2016	410
	<i>Salmah Ali, Hisammudin Ahmad, Haslinda Razak, Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zain, Norsharina Samsuri, Nurkhozilah Idris dan Muhammad Fitri Samsuddin</i>	
40	Corporate Rebranding Design of Oil and Gas Company in Malaysia: Case Study of SMART Petrol	423
	<i>Amina Syarfina Abu Bakar, Azahar Harun, Mohamed Razeef Abd Razak</i>	
41	Apresiasi Karya Seni Catan ‘Siri Dungun’ Dalam Pendekatan Etnomatematik	434
	<i>Rushana Bte Sulaiman @ Abd Rahim, Rushana Bte Sulaiman @ Abd Rahim</i>	
42	Aturan Pertiga (Rule Of Thirds) Sebagai Elemen Baru Dalam Pembelajaran Komposisi Bagi Menghasilkan Karya Seni Catan	449
	<i>Shahariah Mohamed Roshdi, Hisammudin Ahmad, Mohd Haniff b. Mohd Khalid, Dr. Abd. Rasid Ismail, Fazlina Mohd Radzi, Nur Hasliza Abdulah, Nurul Izza Ab. Aziz</i>	
43	Kempen Budi Bahasa Melalui Senireka Bentuk Pembungkusan Produk SME	461
	<i>Farhanah Abu Sujak, Siti Raba’ah Abdul Razak, Nurul Akma Abdul Wahab, Nurin Elani Makrai</i>	
44	Participatory Art Project To Develop The Creative Potential Of Students Of Senior High School In Surakarta	470
	<i>Adam Wahida</i>	
45	Pemikiran Visual Terhadap Permainan Ceper Berasaskan Sistem Sosial Budaya	479
	<i>Zulpaimin bin Hamid, Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Hussain</i>	

46	Pengaruh Elemen Vegetal Dalam Seni Mushaf Nusantara	493
	<i>Nurul Huda Mohd Din, Syafril Amir Muhammad, Prof. Dr. D'zul Haimi Md Zain, Dr. Mumtaz Mokhtar</i>	
47	Puppet Staging through Media Creation Workshop as the Development of Character Building Model for the Marginal in Bengawan Solo Riverbanks	509
	<i>Endang Widiyastuti</i>	
48	Rattan Furniture Design: A Comparison Study between Malaysia and Indonesia Design Trend	520
	<i>Muhammad Muizzuddin Bin Darus, Dr. Ruwaidy Bin Mat Rasul, Abu Bakar Bin Abdul Aziz, Nurhikma Binti Mat Yusof, Dr Deny Willy Junaidi</i>	
49	Seni sebagai Praktis Sosial: Garis Teori dan Amalan Dalam Seni Rupa Kontemporari Malaysia	529
	<i>Diana Ibrahim, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, and Yusmilayati Yunus</i>	
50	Struktur Reka Bentuk Mimbar Masjid Baru Terengganu	541
	<i>Noor Hafiza Ismail, Hamdzun Haron, Zuliskandar Ramli, Salina Abdul Manan & Azni Hanim Hamzah</i>	
51	Tapak Warisan Arkeologi Lembah Bujang: Keunikan Arkeopelancongan Di Negeri Kedah	549
	<i>Farhana Abdullah, Adnan Jusoh, Nasir Nayan & Zuliskandar Ramli</i>	
52	Study On Symbolism Of Malay Islamic Cultural Heritage In Malaysian Visual Arts : Found In Syed Ahmad Jamal Artworks	558
	<i>Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh, Shaliza Dasuki, Fatrisha Mohd Yusoff, Fazlina Mohd Radzi, Musaddiq Muhamad Khalil</i>	
53	Temporary Evacuation and Relief Centre Design Management in Malaysia: an Overview	569
	<i>Dr Ruwaidy Bin Mat Rasul, Muhammad Muizzuddin Bin Darus, Abu Bakar Bin Abdul Aziz</i>	
54	The Cotton Cloth Qur'an binding of the East Coast of the Malay Peninsula	577
	<i>Ros Mahwati Ahmad Zakaria</i>	
55	The Roles of Interactive Multimedia Learning Android-based Application for Primary Schools Teachers	585
	<i>Tjahjo Prabowo, Mohamad Suhartob, Mulyanto, Nadia Sigi Prameswari</i>	
56	The Status Quo of Malaysian Printmaking	592
	<i>Siti Safura Zahari, Nur Fatiyah Roslan, Nurin Elani Makrai, Nor Arseha Karimon, Mohd Fawazie Arshad and Romli Mahmud</i>	

Cetusan Idea Seni Tekat Perak

Azni Hanim Hamzah¹, Salina Abdul Manan², Noor Hafiza Ismail³, Nur Hikma Mat Yusuf⁴

^{1,3,4}Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, 78000 Alor Gajah, Melaka

²Institut Alam dan Tamadfun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

*pengarang: azni.hanim@melaka.edu

Abstrak - Seni Tekat di Malaysia merupakan hasil seni tradisional Melayu dengan penggunaan kain sutera, kain kapas dan kain baldu berdekorasi benang emas. Terdapat pelbagai jenis tekat di Malaysia dan salah satu yang sangat terkenal adalah Tekat Perak. Hasil seni yang sangat dekat dengan golongan istana, bangsawan dan orang ternama. Seni tekat merupakan hasil seni yang mempunyai keunikan tersendiri dan menjadi kebanggaan terutamanya rakyat negeri Perak secara khususnya. Namun begitu pada masa kini, seni tekat tidak dinilai sebagai satu hasil seni yang bernilai kerana kos pembuatan yang tinggi. Disamping itu, pembuatan tekat yang sangat sukar menyebabkan golongan masyarakat biasa tidak mampu untuk memilikinya. Oleh itu, penulisan kertas kerja ini berhasrat untuk meneroka dan membincangkan mengenai latarbelakang Seni Tekat Melayu serta cetusan idea aplikasi seni tekat dalam bentuk yang moden serta bersesuaian dengan permintaan masa kini. Kaedah kajian adalah melalui penganalisan yang dibuat ke atas hasil seni tekat Perak dan pemerhatian yang dibuat ke atas produk yang di hasilkan oleh pereka fasyen tempatan dengan aplikasi seni tekat perak. Hasil perbincangan dari kertas kerja ini diharapkan dapat memberikan pengetahuan yang mendalam serta pendedahan infomasi bagi menghargai hasil warisan seni supaya tidak lapuk dipanas dan tidak lekang hujan.

Kata kunci: Cetusan, idea, Seni, Tekat dan Perak

1. PENDAHULUAN

Seni Sulam atau seni tekat merupakan seni tradisional Melayu yang indah. Ia diperbuat daripada sutera dan benang kapas yang diaplikasi dengan benang emas dan perak. Gadungan daripada sutera dan benang emas itu akan membentuk motif di atas permukaan fabrik tersebut. Motif di bentuk dengan penggunaan teknik menyulam atau menekat dimana benang emas dan perak akan di jahit atas permukaan kain. Teknik sulaman dan tekat merupakan satu proses yang sukar dimana memerlukan penilitian dan konsentrasi yang mendalam bagi menghasilkannya. Hasil sulam atau tekat yang mempunyai nilai kualiti yang tinggi dan cantik adalah berdasarkan kepada ketukangan serta kemahiran pembuatnya.

Di Alam Melayu atau nusantara, banyak fabrik dihiasi dengan emas dan perak. Emas dan perak itu melambangkan kesenangan dan kekuatan pemerintah pada ketika itu. Pada abad ke-15 kesultanan Melaka dikatakan telah memulakan undang-undang mengawal jenis perhiasan dan warna kain. Disamping itu, terdapat juga kenyataan mengenai fabrik bersulam, antaranya sejarah Melayu (hikayat) dan balada (syair) yang menceritakan mengenai imejan hiasan lembut sebagai simbol kemegahan. Selain itu, di dalam syair Siti Zubaidah juga ada menyebut tilam bersulam dan dua belas batal panjang (*boldsters*). Manakala pada syair Kerajaan Bima pula ada menggambarkan kanopi bersulam dengan berliku-liku naga dan permaidani mat hijau dengan benang logam sulaman.

Justeru itu, penggunaan kain emas dihiasi untuk hiasan, tilam dan bantal tidak terhad kepada pekamaran Melayu. Pada abad ke-17 berdasarkan pedagang Inggeris *Edmund Scott*, menyatakan bahawa katil perarakan dengan dua belas batal panjang (*boulsters*) dan bantal sutera, bersulam dengan emas di pekamaran Jawa. Menurut *Scott* lagi, bilik kamar hanya menggunakan kain emas tetapi petunjuk ini lebih konkrit melihat mata wang jenis perabot berwarna-warna datang dari pemerhatian di selatan Filipina.

2. SEJARAH SENI TEKAT

Seni tekat adalah sejenis seni pertukangan tangan Melayu tradisional yang di hasilkan dengan menyulam benang emas ke atas kain baldu. Seni ini juga dikenali dengan nama suji timbul, iaitu sulaman timbul atau tekat bersuji. Asal-usul pembuatan dan penggunaan tekstil tekat dikatakan sama usianya dengan tekstil songket. Pakaian bertekak adalah barang larangan. Menjadi satu kesalahan sekiranya dipakai oleh sebarang orang, walaupun seorang hartawan kecuali atas kurnia raja. Pengharaman ini juga berkait rapat dengan konsep devaraja Hindu yang menganggap raja sebagai seorang yang berkuasa mutlak dalam agama dan adat istiadat serta kesenian.

Kemahiran membuatnya juga dimonopoli oleh golongan diraja. Di negeri Perak misalnya, Raja Permaisuri Perak, iaitu pemsuri Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Idris Murshiau A'dzam Shah, Sultan Perak kedua puluh lapan, merupakan seorang tukang tekat yang mahir dan banyak menrupa cipta berbagai rupa bentuk tekatan. Hingga dikatakan salah satu hasil tekatan baginda telah dipersembahkan sebagai hadiah kepada putera dan puteri *Wales* yang telah bercuti di Singapura pada tahun 1911. Tekstil tekatan juga merupakan pakaian rasmi Sultan Abdullah Muhamad Shah I iaitu Sultan kedua puluh enam, memerintah Perak antara tahun 1874 hingga 1876.

Dalam perkembangan seterusnya, seni ini telah tersebar dan berkembang di kalangan masyarakat luar istana, iaitu rakyat biasa. Salah satu sebabnya ialah pengajaran Islam. Agama islam menganggap semua manusia mempunyai taraf yang sama, tidak ada kelas yang boleh membezakan antara mereka. Jesteru itu, manusia bebas untuk menggunakan, membuat dan memakai alat- alat dan seni yang sebelumnya menjadi larangan. Maka tekatan telah menjadi milik bersama. Tekatan, sebenarnya, merupakan kerjatangan kaum perempuan sahaja, terutama suri rumah tangga yang membuat tekatan di waktu lapang mereka. Tekat juga merupakan kraftangan sambilan, namun begitu penggunaannya tetap terhad. Hasil – hasil tekatan hanya boleh digunakan pada waktu dan ruang tertentu dan istimewa sahaja, seperti istiadat perkahwinan, pertunangan, berkhatam al Quran, berkhatan dan bertindik, sehingga hari ini tekatan tetap kekal sebagai barangan mewah. Selain dari bahan – bahan asasnya mahal seperti kain baldu dan benang emas. Cara pembuatannya juga memerlukan daya kreativiti yang tinggi. Tekatan memerlukan pengamatan dan pemujaan pada alam semulajadi dan kemudiannya diaplikasi ke atas permukaan kain baldu. Proses menghasil tekat yang baik mengambil tempoh masa yang lama kerana menggunakan seratus peratus kemahiran tangan. Selain itu, perlu penjagaan yang rapi ketika mengguna ataupun ketika menyimpannya.

Penggunaan seni tekat bukan sahaja khusus kepada kalangan masyarakat Melayu tetapi juga di kalangan masyarakat Cina (Baba dan Nyonya). Masyarakat baba dan nyonya menggunakan tekatan dalam upacara perkahwinan, terutama sebagai perhiasan bilik tidur. Walau bagaimanapun tekatan mereka agak berbeza dengan tekatan orang Melayu, baik dari segi bahannya mahupun bentuk motifnya. Namun begitu tekatan mereka berbeza dengan masyarakat Melayu dari segi bahan dan motif. Masyarakat baba dan nyonya menggunakan kain sutera sebagai kain dasarnya, sedangkan masyarakat melayu menggunakan kain baldu. Selain itu motif yang digunakan adalah dari unsur –unsur fauna seperti pepahan dan binatang. Antaranya, ular, naga dan unggas.

Seni tekat ini telah tersebar hampir seluruh Malaysia, Antara negeri – negeri yang terkenal selain Perak ialah Selangor daerah Klang, Pahang daerah Pekan dan Johor dengan daerah Muar. Terdapat sinifikasi antara daerah tersebut merupakan

bandar diraja. Kedapatan ramai tukang tekat istana, iaitu golongan yang bertugas menekat peralatan, perhiasan dan pakaian kerabat diraja bila diperlukan. Perkara ini berkait rapat dengan sejarah pembuatan dari penggunaannya iaitu barangan tekatan adalah barangan di raja. Terdapat beberapa kawasan yang terkenal dengan penghasilan tekatan. Antaranya ialah bandar diraja Kuala Kangsar, Sayong, Kota Lama dan Kota Lama Kiri.\

2.1 Bahan Bagi Seni Tekat

Bahan – bahan asas yang digunakan terdiri daripada bahan – bahan yang halus dan mewah antaranya:

- a. kain baldu
- b. benang emas
- c. coban
- d. pemedang
- e. benang putih
- f. rotan sega
- g. kertas tebal

No	Bahan	Spesifikasi
1.	Kain baldu	<ul style="list-style-type: none"> • Kain Baldu sebagai kain dasar atau latar belakang. • Warna yang digunakan adalah warna – warna yang gelap dan tua, seperti merah tua, yang terdiri dari beberapa variasi, antaranya, merah pulasan, merah tampuk manggis, merah hati dan merah biji celagi (asam jawa). • Penggunaan warna – warna sejuk seperti biru tua, hitam, hijau tua dan ungu. • Warna kain dasar atau latar yang gelap menyerlahkan lagi bentuk motif tekatan yang berwarna keemasan. • Warna – warna gelap digunakan bertujuan untuk meninggalkan kesan, keras, kaku, tegang dan berlawanan. • Hasil seni tekat tersebut menjadi lebih lembut dengan penggunaan warna kontra serta motif yang lebih kecil disulam rapat dan halus. • Warna – warna cerah atau muda juga digunakan juga tidak begitu meluas. • Warna cerah digunakan motif lebih besar bagi menimbulkan kesan kotras. • Kain baldu merupakan barang mewah, seperti benang emas. • Pada zaman dulu fabrik ini hanya mampu dimiliki oleh kerabat di raja dan golongan bangsawan. • Penggunaan kain baldu ini sama seperti benang emas iaitu barang asal yang digunakan dari dahulu hingga hari ini. Walaupun begitu kain baldu dikatakan lebih murah daripada kain sutera tetapi sebenarnya harganya tetap mahal.

2.	Benang Emas	<ul style="list-style-type: none"> • Benang Emas atau perak digunakan untuk menutupi mempulur dan lebih penting lagi untuk membentuk objek atau rupabentuk yang dikehendaki. • Benang emas berfungsi membentuk ragamhias atau rekabentuk estatik. • Benang emas yang di gunakan juga benang emas putih. Warna kuning dan putih adalah warna diraja, payung kuning hanya bagi raja sahaja. • Benang emas ini digunakan sebagai benang tekat. • Ukuran bagi benang emas ialah untai atau unting. • Harga seunting benang emas bergantung kepada jenisnya.
3.	Kain Putih (Cita/kasa)	<ul style="list-style-type: none"> • Kain putih (Kain cita dan Kasa) ini berfungsi sebagai pelapik kain baldu. • Kain ini direntang di tengah pemedang dan di atasnyadijahitkan kain baldu.
4.	Rotan Sega Kertas Tebal dan Gam	<ul style="list-style-type: none"> • Rotan sega digunakan untuk membuat isi tekat atau mempulur. • Rotan ini akan dihaluskan mengikut rupabentuk yang hendak digubah. • Caranya ialah dengan memasukkan rotan – rotan itu ke dalam lubang – lubang yang dimasukkan ke dalam lubang yang besar, kemudian secara beransur –ansur dimasukkan pula ke lubang – lubang yang lebih kecil, hingga rotan itu menjadi bulat sebesar bentuk yang dikehendaki. • Rupabentuk yang sering menggunakan rotan sega ialah bentuk geometrik. • Kertas tebal pula digunakan untuk membuat rupabentuk yang lembut seperti tumbuhan, iaitu dengan cara melapiskan beberpa helai kertas dengan gam sehingga menjadi tebal.

5.	Pemidang Kayu	<ul style="list-style-type: none"> • Dua jenis pemidang yang boleh digunakan, iaitu pemidang berkaki dan tidak berkaki. • Pemidang tidak berkaki perlukan alas di bahagian kiri dan kanan supaya kedudukan tinggi dari lutut semasa bersila ketika menekat. • Pemidang tersebut juga tidak terlalu rendah sehingga terpaksa membongkok semasa menekat. • Pemidang ini dibentuk mengikut ukuran kain yang hendak digunakan dan bentuk yang hendak dibuat. Pemidang berbentuk empat segi sama.
6.	Cobon	<ul style="list-style-type: none"> • Alat ini berfungsi sebagai tempat melilitkan benang emas. Setengah tempat alat ini dipanggil lauli (la – u-li). • Coban atau lauh dibuat daripada dua keratan buluh kecil yang diraut halus dan bulat. • Satu panjangnya 20.32cm dan satu lagi berukuran
7.	Lain - lain	<ul style="list-style-type: none"> • Termasuk jam tangan halus matanya, pisau yang tajam hujungnya, gunting, benang putih, empat batang seligin dan sebagainya

3. LATAR BELAKANG KAJIAN

Bunga emas atau tekat sangat sinonim dengan bandar diraja Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan. Pembuatan Tekat merupakan hasil kerja yang sukar dan membosankan. Ini kerana ia memerlukan penelitian yang banyak dari pembuat tekat. Mengikut sejarah, tekat popular di kalangan keluarga diraja dan digunakan pada majlis khas dan menjadi pakaian rutin. Sebagai contoh, istiadat Melayu tradisional semasa pemasangan diraja, pertunangan, perkahwinan, kelahiran anak dan sunat upacara, majlis-majlis perayaan Melayu dan fungsi keadaan formal.

Menurut Rohana Man (2014), tekat kurang mendapat permintaan kerana

mempunyai kos yang tinggi. Oleh itu, dalam menangani dan menyelesaikan isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh industri tekat Malaysia, adalah penting untuk memikirkan pelbagai pendekatan bagi penambahbaikan dan inovasi sekaligus meluaskan penggunaan tekat untuk menampung permintaan tempatan dan antarabangsa.

4. PEMASALAHAN KAJIAN

Seni Tekat masih lagi dipraktikan di Malaysia pada hari ini, namun begitu bilangan pembuat tekat telah berkurangan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Kebanyakan pembuat tekat adalah dikalangan wanita yang mempelajari kemahiran menekat dari orang tua mereka. Di Malaysia pembuat tekat banyak terdapat di Negeri Perak. Aktiviti menekat banyak dilakukan di kawasan perkampungan Melayu atau di pusat-pusat kraftangan.

Di samping itu, tekstil yang ditunen tangan tradisional tidak sesuai untuk pasaran hari ini kerana dari segi reka bentuk dan fungsinya. Oleh itu, seni tekstil tekat tidak mempunyai permintaan hari ini. Menurut Rohana Man (2014) tekat sangat mahal dan kos tinggi bagi bahan mentah seperti benang emas logam yang diimport dari Bahasa Jerman atau Franch, berkualiti tinggi baldu dan mutu kerja halus. Ini menjadikan seni tekat tidak begitu popular.

5. PERKEMBANGAN IDEA DALAM SENI TEKAT PERAK

Sulaman tekat yang merupakan warisan budaya negara agak kurang diangkat persada fesyen tempatan kerana kebanyakan pereka fesyen lebih memfokuskan kepada songket dan batik. Generasi muda pula langsung tidak mengenalinya kerana kurang pendedahan. Baharu ini, pereka fesyen Malaysia Rizman Ruzaini telah melakukan inovasi dengan aplikasi seni tekat pada pemakaian mengikut trend terkini yang boleh dikomersialkan. Reka corak kelihatan eksklusif dengan sentuhan motif tekat. Inovasi bukan sahaja mendedahkan warisan dan budaya Melayu tetapi boleh menggalakkan seni budaya ini ke arah Antarabangsa, (Utusan Januari 2015).

Selain dari itu bagi melestarikan semula seni tekat yang menjadi warisan orang Melayu, Raja Puan Mahkota Perak, Datuk Seri Raja Nazhatul Shima Sultan Idris Shah, tampil dengan pelbagai rekaan segar seni yang di aplikasikan pada beg tangan dan beg genggam (*clutch*). Beliau juga mewarisi minat terhadap seni tekat daripada nendanya, Almarhumah Raja Perempuan Kalsom yang sememangnya mahir dan banyak menghasilkan karya seni tekat termasuk tekat yang menghiasi Istana Iskandariah, Perak pada pakaian rasmi Yang di Pertuan Agong pertama, (Utusan Melayu, 2016).

Setiap rekaan tekat adalah eksklusif kerana direka sendiri dengan menggunakan fabrik baldi hitam dan merah hati selain mempunyai 13 motif signatur yang diinspirasi daripada flora dan rama – rama. Setiap rekaan dinamakan nama bunga tempatan seperti Ros, Dahlia, Anggerik, Melati, Cempaka Tanjung, Kenanga dan Melu, (Utusan Melayu, 2016).

6. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya diharapkan agar dengan hasil penulisan kertas kerja ini, pihak yang bertanggungjawab dapat memberikan nafas baru kepada seni tekat Perak ini. Hasil seni tekat ini harus dipelihara dan diwarisi serta di perkenalkan semula dengan rekaan terkini agar kelestariaannya terpelihara dari zaman ke zaman.

RUJUKAN

- [1]. Alan Bryman. (2001). *Social Research Method Second Edition*.
- [2]. Rung-Tai Lin. *Transforming Taiwan Aboriginal Cultural Features Into Modern Product Design: A Case Study of a Cross-cultural Product Design Model*. *International Journal of Design*, 2007, 1(2), 45-53.
- [3]. David Bramston. (2009). *Basic Product Design 01 Idea Searching*. Brief 032-033. *Cultural Influences* 076-077.
- [4]. Georgia Butina Watson and Ian Bentley. 2007. *Identity by Design*
- [5]. TANGGAM by the Malaysian Timber Industry Board
- [6]. www.melayuonline.com.Malay
- [7]. anthro.palomar.edu/culture
- [8]. www.onlinedesign.teacher.com
- [9]. *Furniture Design History industry-* kraftangan.blogspot.com
- [10]. [www.matrade.gov.my/en /Furniture](http://www.matrade.gov.my/en/Furniture) | MATRADE
- [11]. www.mtib.gov.my/index.article
- [12]. stopdesign.com/archive/2005/04/17/multiple-design-directions.html